

D542

R B832 AAB  
PENJARA-MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA BAHAWA LAWATAN MENGEJUT BELIAU KE PENJARA PUDU MALAM SEMALAM SEKADAR UNTUK MELIHAT KEADAAN DI SITU.

PERDANA MENTERI TIBA DI PENJARA PUDU PADA PUKUL 10.20 MALAM SEMALAM EKORAN PENAHANAN SEORANG DOKTOR DAN TEKNOLOGIS MAKMAL OLEH ENAM BANDUAN DI KLINIK PENJARA ITU.

BELIAU ENGGAN MENGULAS APAKAH TINDAKAN POLIS SEKIRANYA MEREKA DIBERI TANGGUNGJAWAB UNTUK MENGENDALIKAN KES PENAHANAN ITU OLEH JABATAN PENJARA ESOK JIKA RUNDINGAN DENGAN BANDUAN-BANDUAN YANG TERBABIT MASIH BELUM BERHASIL.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH DITANYA OLEH PEMBERITA SELEPAS BELIAU MENGHADIRI MAJLIS MAKAN MALAM KONGRES KELIMA PERSEKUTUAN PERSATUAN VETERINAR ASIA DI SINI.

KETUA PENGARAH PENJARA DATUK IBRAHIM MOHAMED PETANG TADI BERKATA BELIAU AKAN MENYERAHKAN KES ITU KEPADA KEPADA POLIS SELEPAS PUKUL 10.00 PAGI ESOK.

-- LAGI.

2356MST 19 10 86

D544

R B833 AAB  
PENJARA-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, KIRA-KIRA PUKUL 8 MALAM INI, TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYUB TIBA DI PENJARA PUDU UNTUK MENGIKUTI PERKEMBANGAN TERBARU DI SITU.

KETIKA DIHAMPIRI OLEH PARA PEMBERITA KIRA-KIRA DUA JAM KEMUDIAN, BELIAU HANYA BERKATA +PERBINCANGAN MASIH BERJALAN+.

DATUK IBRAHIM YANG TURUT BERADA DI SITU SEDANG BERUSAHA SEDAYA UPAYA UNTUK Mencari penyelesaian terhadap penahanan dua orang tebusan itu. -- BERNAMA.

2358MST 19 10 86